

2 laporan polis terhadap Marina Yusoff

Um - 21/9/2006

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Polis akan menjalankan siasatan lanjut terhadap seorang ahli perniagaan, Datuk Marina Yusoff yang didakwa cuba merempuh pengawal keselamatan dalam dua kejadian berasingan di bangunan Marinara, Jalan Tun Razak di sini beberapa hari lepas.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Mohd. Rodzi Ismail memberitahu, siasatan tersebut akan dijalankan berhubung dua laporan polis yang diterimanya pada Ahad dan Isnin lepas.

"Kita akan menyiasat kes ini seperti yang didakwa dalam kedua-dua laporan itu," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Dalam kejadian pertama pada Ahad lalu, Marina yang juga bekas ahli politik dipercayai cuba melanggar Pengurus Pemasaran dan Operasi Falcon Security Services Sdn. Bhd., V. S. Serma Rao, 38, serta tujuh pengawal keselamatan yang turut berada di bangunan Marinara di sini.

Marina ketika itu memandu kereta Volkswagen bernombor pendaftaran WNP 717 dalam keadaan berbahaya dengan tujuan untuk merempuh mereka.

Ekoran dari kejadian itu satu laporan polis telah dibuat oleh Serma di Balai Polis Jalan Tun Razak di sini.

Laporan polis kedua dibuat oleh S. Thirukumar, 29, Isnin lalu di Balai Polis Sentul di sini selepas Marina didakwa melanggarnya sehingga menyebabkan kaki kirinya cedera.